

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	29 NOVEMBER 2016

'Tun M besar ego serang saya untuk tumbangkan UMNO'

BH - 29/11/2016

Putrajaya: Bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad adalah seorang yang besar egonya kerana mahu menang dalam apa juga keadaan dan akan menjadi lebih agresif jika gagal, kata Datuk Seri Najib Razak.

Perdana Menteri yang juga Presiden UMNO, berkata beliau memahami kaedah dan cara Dr Mahathir tetapi keserasian serta sokongan dalam UMNO ternyata menggagalkan segala cubaan bekas pemimpin itu untuk menumbangkannya.

"Saya juga dapat sokongan Ahli Parlimen dan saya lihat PAS tidak bersamanya (Dr Mahathir). Selain itu, Deklarasi Rakyat diusahakannya tidak sah dari segi Perlembagaan dan sebab itulah Majlis Raja-Raja tidak menerima langsung.

"Jadi, pilihan sekarang adalah untuk meyakinkan rakyat dan dalam proses itu, beliau akan

serang saya sebab hendak menumbangkan UMNO, beliau mesti serang Presiden UMNO, itu hakikatnya.

"Waktu Dr Mahathir jadi Presiden UMNO, orang yang sama duduk keliling beliau hari ini mengata beliau lagi teruk," katanya dalam temu bual khas dengan media di Seri Perdana, semalam.

Beliau berkata demikian ketika ditanya mengenai peningkatan serangan agresif terhadap kepemimpinannya oleh Dr Mahathir.

Najib bagaimanapun berkata: "Dalam UMNO, kita jangan memandang rendah atau memperkecilkan mereka yang menentang kita. Bukan kita takut pada mereka, lain dengan soal takut, tetapi kita jangan memperlekehkan mereka dan kita mesti lakukan apa yang patut kita lakukan untuk mengekalkan penguasaan."

Beri penjelasan mengenai RUU

Sementara itu, menjawab isu Rang Undang-Undang Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah)(Pindaan) 2016 atau RUU 355, Perdana Menteri berkata, UMNO selaku tonggak BN akan memberi penjelasan kepada rakan parti komponennya mengenai RUU itu.

Katanya, masyarakat bukan Islam mesti memahami bahawa RUU 355 bukan mengenai melaksanakan hukum hudud seperti yang didakwa sesetengah pihak, sebaliknya hanya memperkasakan Mahkamah Syariah di negara ini.

"Apa yang kita buat itu hendak Islam dan ini urusan orang Islam tetapi orang bukan Islam mesti faham, ini bukan hudud. Ini menaikkan kuasa Mahkamah Syariah dan tidak ada kena mengena dengan bu-

kan Islam sama sekali," katanya.

Ditanya sama ada wujud kerjasama antara UMNO dan PAS selepas parti itu tidak berada dalam Pakatan Harapan, Najib berkata, kedua-dua parti mempunyai komitmen yang sama dalam hal membabitkan kepentingan ummah dan masa depan negara.

"Saya lihat PAS ini tidak macam PAS yang dahulu... PAS hari ini lebih terbuka. Ada bab di mana kita memang mempunyai pendapat yang sama tetapi kita belumlah macam 1974 dalam bentuk satu kerajaan campuran dan sebagainya.

"Saya ingat dah banyak kendur (hubungan) dan selesa tetapi kita bergerak dalam kelompok masing-masing, dalam parti masing-masing. Ada masa kita berbeza pendapat dan tidak sama pendirian tetapi ada kala juga kita boleh mempunyai pendirian yang sama," katanya.